

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan  
Sidang Akademik 1995/96

Mei/Jun 1996

**JKP 412 - Politik Masyarakat Majmuk**

Masa: [ 3 jam ]

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.
2. Jawab **Soalan 1 (WAJIB)** di Bahagian A dan mana-mana **DUA** soalan di Bahagian B. Jika calon menjawab lebih daripada tiga soalan hanya tiga soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberikan markah.

**BAHAGIAN A (40 markah)**

Jawab Soalan 1.

**Soalan 1**

Apakah enam pendekatan yang dicadangkan oleh A. Nordlinger untuk mengawal konflik dalam masyarakat majmuk? Jawapan anda hendaklah disokong dengan bukti-bukti yang nyata yang terdapat dalam mana-mana masyarakat majmuk.

(40 markah)

**BAHAGIAN B (60 markah)**

Jawab DUA soalan sahaja.

**Soalan 2**

“Adalah dikatakan bahawa kemajuan teknologi dan ekonomi pada akhirnya akan menghapuskan konflik perkauman”. Bincangkan.

(30 markah)

**Soalan 3**

Masyarakat majmuk yang diasaskan kepada kepelbagaian etnik boleh bekerjasama dengan mudahnya pada tahap negara sebelum mencapai kemerdekaan. Walau bagaimanapun kestabilan politik tidak boleh dipertahankan oleh kerana sentimen yang diasaskan kepada primodialisme meningkat sebaik sahaja selepas negara mencapai kemerdekaan. Bincangkan.

(30 markah)

**Soalan 4**

Kenapakah dikatakan BARISAN NASIONAL merupakan pilihan pendekatan politik yang terbaik bagi masyarakat pelbagai kaum Malaysia?

(30 markah)